

KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK
CRITERIA FOR SHORT TERM RESEARCH GRANT

1. **Geran Penyelidikan Jangka Pendek ditawarkan kepada semua staf pada gred 41 hingga 54 yang tempoh lantikan di USM kurang daripada lima (5) tahun kecuali bagi pensyarah daripada Sains Perubatan dan Sains Pergigian, tempoh lantikan ialah kurang dari sepuluh (10) tahun termasuk yang belum disahkan dalam jawatan dan juga yang berstatus kontrak. Staf kontrak perlu memohon bersama dengan penyelidik bersama yang bertaraf tetap, yang akan mengambil alih semua tanggungjawab penyelidik utama apabila pensyarah kontrak menamatkan khidmat di USM.**

The Short Term Research Grant is open to all staff from grade 41 to 54 with an appointment period of less than five (5) years in USM except for lecturers from Medical Science and Dental Science who are required to have an appointment period of less than ten (10) years. This includes staff who have yet to be confirmed and those under contract. Contract staff are required to apply with a co-researcher who holds a permanent staff record in USM. The co-researcher will assume all responsibilities of the contract staff when his or her term of service in USM is completed.

2. **Seseorang staf hanya boleh memegang satu (1) Geran Jangka Pendek sebagai Ketua Penyelidik pada sesuatu masa. Permohonan baru bagi mereka yang telah diluluskan Geran Jangka Pendek akan diberi pertimbangan dengan mengemukakan bukti tahap selesai projek sedia ada pada kadar 75 peratus (75%). Walaubagaimanapun, keutamaan akan diberikan kepada pensyarah yang tidak pernah mendapat sebarang geran penyelidikan.**

A staff member is allowed to hold ONLY one (1) Short Term grant as the Principal Researcher at any one time. For those who already hold short-term grant/s and would like to apply for another, they would need to submit proof showing their current project is at least 75% in completion. However, priority will be given to fresh applicants who have yet to hold any research grant.

3. **Amaun maksimum Geran Penyelidikan Jangka Pendek ialah RM50,000.00.**

The maximum grant allocation is RM50, 000.00.

4. **Tempoh yang diluluskan bagi Geran Penyelidikan Jangka Pendek adalah dua (2) tahun.**

The approved period/ tenure for Short Term Research Grants are two (2) years.

5. **Penyelidik dibenarkan menghadiri persidangan luar negara sekali (1) sahaja dalam tempoh projek yang diluluskan terhad kepada negara - negara berikut:**

➤ **Thailand, Indonesia, Singapura dan Brunei.**

Researchers are allowed to attend conferences abroad only once (1) during the project's approved period/ tenure and limited to these countries:

➤ *Thailand, Indonesia, Singapore and Brunei.*

6. **Sebarang tuntutan boleh dibuat berasaskan kelayakan penyelidik.**

All claims can be made on the basis of applicant's eligibility.

7. Hasil penyelidikan haruslah dalam bentuk makalah jurnal/ monograf/ buku dan mestilah merakamkan penghargaan kepada Geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia dan nombor geran projek penyelidikan yang diluluskan.

Research outcome must be in the form of journals articles/ monograph/ book and must acknowledge the Universiti Sains Malaysia Short Term Research Grant Scheme, together with the approved grant number.

8. Pada akhir tempoh penyelidikan, penyelidik dikehendaki mengemukakan laporan akhir mengikut format yang telah disediakan bersama dengan salinan manuskrip hasil penyelidikan (*Perkara 7*). Kegagalan mengemukakan laporan akhir akan menjejaskan permohonan geran pada masa depan.

At the end of the research period, the researcher is required to submit a final report using the format provided together with a copy of the manuscript of the research outcome (Item 7). Failure to submit the final report will affect future grant application.